

Norihan Binti Anah

From: Unit Komunikasi Korporat
Sent: Sunday, December 31, 2017 6:49 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Anak Syarikat UUM Tunai Tanggungjawab Serah Zakat Perniagaan RM75,000



Unit Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION UNIT

Universiti Utara Malaysia

31 DISEMBER 2017 / 12 RABIULAKHIR 1439H
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(*THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY*)

Oleh: Nordiana Shafiee
Gambar oleh: Abdul Halim Husain

ANAK SYARIKAT UUM TUNAI TANGGUNGJAWAB SERAH ZAKAT PERNIAGAAN RM75,000

UUM ONLINE: Uniutama Management Holdings Sdn Bhd (UMHSB) menerusi Universiti Utara Malaysia (UUM) telah menyerahkan cek pembayaran zakat perniagaan bagi tahun 2017 dengan nilai keseluruhan RM75,000 kepada Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK) di Balai Tamu, petang tadi.

Cek zakat perniagaan itu disampaikan Naib Canselor, Prof Dato' Seri Dr Mohamed Mustafa Ishak kepada Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Operasi, Dakwah dan Kutipan), LZNK, Mohd Faisal Mustaffa.

Pembayaran zakat perniagaan itu melibatkan anak syarikat universiti selain UMHSB sebanyak RM10,000; Uniutama Education & Consultancy Sdn Bhd (RM50,000); Uniutama Solution Sdn Bhd (RM10,000) dan Uniutama Property Sdn Bhd sebanyak RM5,000.

Dengan penyerahan zakat tersebut kepada LZNK, secara tidak langsung dapat membantu golongan asnaf iaitu orang fakir, miskin dan yang layak untuk menerima bantuan di negeri Kedah.



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.